

## **Bab 5: Perakaunan Untuk Syarikat Berhad Menurut Syer**

### **5.1 Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer**

Syarikat Berhad Menurut Syer/Saham ialah entiti perniagaan yang dimiliki oleh individu-individu yang menyumbang modal dan diberi syer dalam syarikat. Semua syarikat yang ditubuhkan tertakluk kepada Akta Syarikat 2016

#### **Tatacara penubuhan Syarikat Berhad**

1. Membuat carian nama dan permohonan nama
2. Menyerah simpan permohonan pemerdanan syarikat
3. Membayar fi pendaftaran (bayaran pendaftaran)
4. Menerima Notis Pemerbadanan
5. Perlembagaan Syarikat

Merupakan dokumen yang mengikat syarikat, pengarah dan pemegang syer. Syarikat Berhad mempunyai pilihan untuk mewujudkan Perlembagaan Syarikat atau tidak. Sekiranya syarikat tidak mewujudkannya, sebarang perselisihan perlu diselesaikan dengan merujuk kepada Akta Syarikat 2016.

#### **Kandungan Perlembagaan Syarikat**

##### **Tujuan syarikat**

keupayaan, hak, kuasa atau keistimewaan syarikat jika berbeza dengan peruntukan yang terkandung dalam Akta Syarikat 2016 seperti kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah

Perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh akta ini untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan seperti cara pembayaran dividen

Apa-apa perkara lain yang hendak dimasukkan oleh syarikat ke dalam perlembagaan seperti pengurusan dan pentadbiran syarikat

## **Ciri-ciri syarikat**

### **1. Entiti berasingan**

Pemilik dan organisasi perniagaan adalah terasing daripada dikenakan tindakan undang-undang. Perniagaan atau syarikat boleh didakwa, mendakwa, dan boleh membuat kontrak serta memilik dan menjual aset atas nama perniagaan itu sendiri

### **2. Liabiliti terhad**

Tanggungjawab liabiliti pelabur atau pembeli saham terhad kepada jumlah yang dilaburkan sahaja sekiranya berlaku pembubaran

### **3. Hayat berterusan**

Perniagaan diandaikan terus beroperasi walaupun salah seorang pemegang saham meninggal dunia atau menarik diri

### **4. Pengasingan fungsi pemilikan dan fungsi pengurusan**

Pemegang syer/saham tiada hak untuk mengawal secara langsung operasi syarikat. Lembaga pengarah akan membentuk polisi syarikat dan melantik pihak pengurusan untuk mengendalikan syarikat

## **5.2 Jenis Modal dan Terbitan Syer**

Berikut merupakan catatan Jurnal Am untuk terbitan syer dan berbayar penuh bagi syer keutamaan dan syer biasa

(a) Terbitan 0% Syer Keutamaan dan Syer Biasa

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
20xx Jan 1	Permohonan 0% Syer Keutamaan Modal 0% Syer Keutamaan (Merekod terbitan % Syer Keutamaan)	RM 1000 000	RM 1000 000
Jan 1	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan % Syer Keutamaan)	800 000	800 000
Jan 31	Bank Permohonan 0% Syer Keutamaan Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan 0% Syer Keutamaan dan Syer Biasa)	1800 000	1000 000 800 000

Pindahan dari catatan Jurnal Am terbitan dan berbayar penuh ke Lejar adalah seperti berikut

(a) Terbitan 0% Syer Keutamaan dan Syer Biasa

Akaun Permohonan 0% Syer Keutamaan

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
20xx Jan 1	Modal 0% Syer Keutamaan	RM 1000 000	20xx Jan 31	Bank	RM 1000 000

Akaun Modal 0% Syer Keutamaan

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
			20xx Jan 1	Permohonan 0% Syer Keutamaan	RM 1000 000

Akaun Permohonan Syer Biasa

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
20xx Jan 1	Modal Syer Biasa	RM 800 000	20xx Jan 31	Bank	RM 800 000

Akaun Modal Syer Biasa

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
			20xx Jan 1	Permohonan Syer Biasa	RM 800 000

Akaun Bank

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
20xx Jan 31	Permohonan 0% Syer Keutamaan Permohonan Syer Biasa	RM 1000 000 800 000			

Syer yang diterbitkan ada kalanya tidak dilanggan. Jadi pihak penaja jamin akan menanggung syer kurangan langganan ini. Catatan Jurnal Am jika berlaku kurangan langganan seperti berikut

(b) Kurangan langganan Syer Biasa

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
20xx Jan 31	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan kurangan langganan)	RM 200 000	RM 200 000

Pindahan dari catatan Jurnal Am kurangan langganan ke Lejar adalah seperti berikut

(b) Kurangan langganan

Akaun Permohonan Syer Biasa					
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
			20xx Jan 31	Bank	RM 200 000

Akaun Bank					
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
20xx Jan 31	Permohonan Syer Biasa	RM 200 000			

Sekiranya syer yang diterbitkan terlebih langganan, maka perniagaan akan memulangkan semula wang yang diterima. Berikut catatan Jurnal Am

(c) Bayaran balik kerana lebih langganan Syer Biasa

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
20xx Jan 31	Permohonan Syer Biasa Bank (Merekod bayaran balik kepada pelanggan)	RM 300 000	RM 300 000

Pindahan dari catatan Jurnal Am bayaran balik lebih langganan ke Lejar adalah seperti berikut

(c) Lebihan langganan

Akaun Permohonan Syer Biasa					
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
20xx		RM			
Jan 31	Bank	300 000			

  

Akaun Bank					
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
			20xx		RM
			Jan 31	Permohonan Syer Biasa	300 000

### 5.3 Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer

Berikut contoh catatan Modal diterbitkan dan berbayar penuh di bahagian Ekuiti Pemilik, Penyata Kedudukan Kewangan

#### 3. Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer

Syarikat QRS	
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20xx	
<b>Ekuiti Pemilik</b>	<b>RM</b>
<b>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</b>	
1000 000 unit 0% Syer Keutamaan	1000 000
800 000 unit Syer Biasa	800 000
	<u>1800 000</u>

## 5.4 Dividen Tunai

Berikut merupakan rumus untuk pengiraan dividen interim dan dividen akhir

### 4. Dividen Tunai

Rumus pengiraan Dividen Interim dan Dividen Akhir

(a) Jika dibayar dalam peratus sesyer

Dividen Syer Keutamaan

Unit syer keutamaan x harga sesyer x % Dividen x Tempoh

Dividen Syer Biasa

Unit syer biasa x harga sesyer x % Dividen

(b) Jika dibayar dalam sen sesyer

Dividen Syer Biasa

Unit syer biasa x harga sesyer x Nilai dividen sesyer

*Nota : Dividen dikira daripada jumlah modal/syer yang diterbitkan dan beri*